

BAB 3

KAEDAH DAN PROSEDUR

3.0 Pengenalan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis jenis-jenis ayat dan pola-pola ayat yang digunakan oleh subjek semasa mengarang karangan di samping mengesan aspek kelemahan dalam ayat yang dipilih itu.

3.1 Kaedah

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah persampelan iaitu dua belas buah karangan yang ditulis oleh empat orang subjek. Melalui kajian ini, pengkaji cuba melihat kemampuan pelajar memilih jenis ayat, pola atau ragam ayat semasa mengarang karangan jenis fakta, ekspositori dan naratif. Subjek diberi kebebasan menulis tetapi tidak digalakkan membuat perbincangan. Ini bertujuan supaya apa yang ditulis itu merupakan idea mereka tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

3.2 Prosedur

Subjek-subjek dalam kajian ini diminta mengarang tiga buah karangan setiap seorang mengenai tajuk-tajuk jenis naratif, fakta dan ekspositori. Setiap tajuk diberi tempoh selama empat puluh minit dengan jumlah 150 patah perkataan. Tajuk-tajuknya ialah Telefon, Pemimpin Negara yang Saya Kagumi dan Saya Sepasang Kasut Bola.

Hasil penulisan subjek-subjek ini akan dianalisis daripada aspek sintaksis dengan mengasingkan jenis-jenis ayat, pola-pola ayat di samping mengesan kesilapan dalam ayat-ayat yang digunakan. Data-data yang diperoleh akan dinyatakan dalam peratusan di samping mendapatkan mins bagi setiap perkara yang ditinjau. Analisis karangan pelajar ini akan berpandukan Buku Tatabahasa Dewan, Edisi Baru oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

3.3 Subjek

Subjek dalam kajian ialah dua orang pelajar darjah tiga dan dua orang pelajar darjah lima dari Sekolah Rendah Wangsa Melawati, K.Lumpur. Subjek darjah tiga terdiri daripda pelajar lelaki dan subjek darjah lima terdiri daripada perempuan. Subjek-subjek dipilih secara rawak dan tidak memenuhi apa-apa syarat tertentu.

Subjek-subjek ini diminta menulis tiga jenis karangan setiap seorang. Karangan-karangan ini adalah jenis fakta, naratif dan ekspositori. Masa diberi untuk mengarang ialah selama empat puluh minit bagi setiap satu karangan dengan jumlah perkataan sebanyak 150 patah perkataan. Tujuan pengkaji memilih karangan jenis fakta, naratif dan ekspositori adalah untuk melihat kepelbagaiannya gaya ayat semasa mengarang mengikut jenis tajuk.

3.3.1 Subjek Darjah Tiga

Subjek A : Seorang kanak-kanak lelaki Melayu berusia sembilan tahun dan anak bongsu dalam keluarga seramai enam orang. Status keluarga subjek A adalah sederhana. Ibu bapa A berpendidikan tinggi dan sentiasa memberi perhatian dalam bidang pendidikan kepada anak-anaknya. Pencapaian Bahasa Malaysia subjek A adalah baik memandangkan markah diperoleh daripada ujian dan peperiksaan amat memuaskan. Subjek A gemar membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu seperti komik-komik yang menggunakan Bahasa Malaysia yang bermutu serta gembir membaca akhbar dalam ruangan sukan. Subjek A juga kerap menonton siaran televisyen yang menggunakan bahasa Melayu yang standard seperti berita sukan dan cerita-cerita kartun yang dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu. Keluarga subjek A menggunakan bahasa Melayu seratus peratus dalam perbualan di rumah.

Subjek B : Subjek B adalah pelajar lelaki darjah tiga yang berumur sembilan tahun. Subjek B adalah anak ketiga dalam keluarga sederhana. Ibu bapanya mendapat pendidikan sederhana tetapi mengambil berat tentang pendidikan anak-anak. Pencapaian Bahasa Malaysia subjek B agak memuaskan. B juga gemar membaca buku-buku cerita dalam bahasa Melayu serta gemar menonton siaran televisyen di rumah. Keluarga B bertutur dalam Bahasa Melayu semasa di rumah.

3.3.2 Subjek Darjah Lima

Subjek C : Subjek C adalah pelajar perempuan daripada sebuah keluarga sederhana. Umur C ialah sebelas tahun. C merupakan anak kelima dalam keluarga yang seramai enam orang. C merupakan pelajar yang bijak dalam kelas kerana C selalu menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam semua mata pelajaran. C juga memegang jawatan sebagai Penolong Ketua Pengawas di sekolahnya dan banyak melibatkan diri dengan aktiviti ko-kurikulum di sekolah. C kerap mewakili sekolahnya dalam pertandingan seperti pidato, mengarang dan permainan catur. Subjek C menguasai bahasa Melayu dengan amat baik. Di rumah, C gemar membaca novel, buku-buku cerita dan akhbar dalam bahasa Melayu. Subjek C juga kerap menonton siaran televisyen dan gemar berhujah dengan menggunakan bahasa yang baik serta pemilihan kata yang tinggi konsepnya. Pengkaji berpendapat subjek C merupakan kanak-kanak istimewa kerana pertuturan dalam bahasa Melayu yang amat baik berbanding dengan kawan-kawannya yang lain.

Subjek D : Seorang kanak-kanak perempuan berumur sebelas tahun daripada keluarga yang tinggi status ekonominya. Subjek D adalah anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Ibunya seorang guru dan bapanya berniaga sendiri. D merupakan pelajar yang boleh dikatakan pandai dalam kelasnya. Penguasaan bahasa Melayunya baik sama ada dari segi penulisan dan pertuturan begitu juga dengan mata pelajaran-mata pelajaran lain.

3.4 Buku Panduan

Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa analisis jenis dan pola ayat akan berpandukan Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baru yang ditulis oleh Nik Safiah Karim, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Definisi, huraian dan contoh jenis-jenis ayat dan pola-pola ayat dijelaskan seperti di bawah ini.

3.5 Jenis-jenis Ayat

Terdapat empat jenis ayat yang dimaksudkan iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan untuk tujuan melakukan suatu pernyataan atau mengemukakan keterangan tentang sesuatu perkara. Antara contoh ayat ialah:

Bapa saya seorang wartawan.

Mereka meninggalkan kota raya itu semalam.

Jenis kedua ialah ayat tanya, iaitu ayat untuk tujuan mengemukakan sesuatu pertanyaan.

Anda sudah melabur dalam syarikat itu?

Siapakah gurunya?

Who lives in this house?

Jenis ketiga, iaitu ayat perintah diucapkan untuk tujuan memberi arahan atau untuk tujuan menimbulkan suatu tindakan. Ayat perintah dapat diucapkan sama ada dalam bentuk perkataan (perintah) yang digunakan. Contohnya, *Siapkan kerja itu dengan segera!* (suruhan); *Jangan berludah di sini* (larangan); *Sila buat laporan di balai*

polis (silaan); *Tolong tutup pintu itu* (permintaan); *Please come in* (silaan); *Read the book now!* (suruhan); *No smoking in this room* (larangan).

Jenis keempat ialah ayat seruan yang diucapkan secara bernada seru untuk menyatakan sesuatu keadaan perasaan, seperti marah, takut, geram, takjub dan sebagainya. Biasanya, dalam tulisan, ayat seruan berakhir dengan tanda seru (!). Contohnya, *Oh, Tuhanku!*; *Amboi, garangnya!*; *Cis, berani kamu menganggu dia!*; *My, what a fine day!*; *Wow, that's a lovely dress!*

Pola-pola Ayat

Antara pola ayat dalam bahasa Melayu termasuk ayat dasar, ayat tunggal, ayat majmuk, ayat aktif dan ayat pasif. Pola ayat dasar adalah seperti yang berikut.

Pola	Subjek	Prediket
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Encik Ahmad	<i>Frasa Nama</i> Guru sekolah.
Pola 2	<i>Frasa Nama</i> Bapa mereka	<i>Frasa Kerja</i> sedang berehat.
Pola 3	<i>Frasa Nama</i> Anak itu	<i>Frasa Adjektif</i> sihat sungguh.
Pola 4	<i>Frasa Nama</i> Pejabat saya	<i>Frasa Sendi Nama</i> di Kuala Lumpur

a) **Ayat Tunggal**

Ayat Tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja iaitu yang mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Binaan ayat tunggal menyamai binaan ayat dasar iaitu terkandung di dalamnya satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat.

Contoh:

Subjek	Predikat
<i>Ayah Ali</i>	<i>peguam</i>
<i>Dia</i>	<i>membaca akhbar itu</i>

Walau bagaimanapun tidak semua ayat tunggal terdiri daripada subjek dan diikuti oleh predikat. Ada susunan yang berbeza iaitu predikat (seluruh atau sebahagian) mendahului subjek seperti dalam songsang, aktif, dan pasif yang terdapat dalam contoh-contoh berikut.

- i) *Ke Melaka dia pagi tadi.*
- ii) *Dikucupnya anak itu*

Selain daripada itu, ayat-ayat tunggal boleh juga terdiri daripada jenis-jenis lain seperti ayat penyata, ayat perintah, ayat seruan dan sebagainya.

b) **Ayat Majmuk**

Ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih, dan percantuman ini disusun mengikut cara tertentu sehingga menjadi ayat baru.

Contoh ayat majmuk adalah seperti ayat berikut.


Ali sedang membaca buku dan Fatimah sedang membuat kira-kira.

Ayat di atas boleh dipecahkan menjadi dua ayat tunggal iaitu:


- i) *Ali sedang membaca buku.*
- ii) *Fatimah sedang membuat kira-kira.*

Ayat majmuk di atas dikenali sebagai ayat majmuk gabungan kerana menggunakan kata hubung seperti dan, dari, atau lalu, lagi, serta, sambil, tambahan pula, malahan, kemudian, akhirnya, sebaliknya, melainkan, padahal, dan lain-lain.


Perkaitan antara ayat-ayat dalam ayat majmuk jenis ini dapat digambarkan seperti gambarajah yang berikut:



Dari segi teori, ayat majmuk jenis ini boleh terdiri daripada percantuman beberapa ayat tunggal seperti gambarajah berikut:



Dengan mengambil ayat "Saya minum kopi dan Aminah makan Nasi Lemak" sebagai contoh, gambarajahnya dapat dibuat seperti yang berikut:




Proses penggabungan ayat boleh digunakan untuk deretan beberapa ayat seperti ayat di bawah:

"Pada cuti sekolah yang lalu saya melawat datuk, nenek, pak cik, mak cik dan saudara-mara di kampung."

Ayat di atas terdiri daripada lima ayat tunggal yang telah dijadikan satu ayat majmuk yang menggugurkan empat frasa yang berulang-ulang iaitu "Pada cuti sekolah yang lalu ...". Demikian juga kehadiran 'dan' yang berulang-ulang boleh dihilangkan.

Selain daripada ayat majmuk gabungan terdapat dua jenis lagi ayat majmuk iaitu ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Ayat majmuk pancangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada beberapa ayat yang kedudukan antara ayat-ayat itu tidak sama. Dalam ayat majmuk gabungan kedudukan ayat tunggalnya sama taraf yang masing-masing dapat berdiri sendiri. Sebaliknya dalam ayat majmuk pancangan terdapat satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Ada tiga jenis ayat majmuk pancangan dalam bahasa Melayu seperti rajah di bawah:



Ayat relatif ialah ayat yang dikenal dengan penggunaan perkataan 'yang' seperti contoh ayat di bawah:

"Saya membeli baju yang berwarna merah."

Ayat ini terdiri daripada dua ayat iaitu:

- a) *Saya membeli baju*
- b) *Baju itu berwarna merah.*

Apabila kedua-dua ayat di atas dimajmukkan ayat 'Baju itu berwarna merah' dipancangkan ke dalam ayat induk 'Saya membeli baju'. Oleh sebab ungkapan 'baju' diulang maka 'baju' yang kedua itu digugurkan dan diganti dengan kata relatif 'yang'.

Ayat komplimen ialah ayat majmuk yang terdiri daripada ayat induk dan ayat komplimen. Perhatikan ayat di bawah:

Dia menerangkan bahawa murid itu sakit.

Dalam ayat di atas ayat 'bahawa murid itu sakit' merupakan objek kepada kata kerja transitif 'menerangkan'. Dalam ayat tersebut terdapat subjek 'dia' dan kata kerja transitif 'menerangkan' dan ayat 'bahawa murid itu sakit' seolah-olah menjadi objek kepada kata kerja transitif itu.

'Dia menerangkan bahawa murid itu sakit' terdiri daripada dua ayat iaitu:

Dia menerangkan sesuatu. (Ayat induk)


Murid itu sakit. (Ayat komplimen)

Pembentukan ayat-ayat komplimen biasanya disertai penggunaan beberapa perkataan tertentu yang digunakan sebagai kata komplimen untuk menandakan 'hubungannya'.

Terdapat dua kata komplimen dalam bahasa Melayu iaitu 'bahawa' dan 'untuk'. Lihat contoh di bawah:

- i) *Dia bukan ketua saya ketika saya bekerja dulu.*
- ii) *Anak itu menangis kerana lapar.*

Dalam ayat-ayat di atas terdapat dua ciri iaitu pertama, adanya ayat induk dengan satu ayat kecil atau lebih yang tidak dapat berdiri sendiri dan kedua, adanya kata-kata hubung yang menjalinkan ayat induk dengan ayat-ayat kecil. Misalnya ketika, kerana, semasa, sewaktu dan sekiranya. Ayat-ayat ini disebut ayat keterangan. Hubungan antara ayat-ayat ini adalah seperti berikut:



Ayat keterangan berfungsi memberikan huraian lanjut kepada kata kerja ayat induk. Jenis kata hubung keterangan yang digunakan untuk ayat keterangan ialah kerana, oleh sebab, lantaran, hingga, sekiranya, andai kata, kalau, jika, setelah, sementara, tatkala, ketika, sungguhpun, sedangkan, meskipun, sekalipun, agar, supaya, kalau-kalau, dengan, demi, untuk, bagi, bagi, seperti, seakan-akan.

b) **Ayat Majmuk Campuran**

Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat yakni yang terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk. Ayat majmuk campuran biasanya panjang. Perhatikan contoh di bawah:

Ahmad sedang membaca buku, tetapi kawan-kawannya yang sudah letih telah lama tidur.

Ayat di atas terdiri daripada ayat majmuk gabungan yang disambung dengan kata hubung tetapi. Ayat pertama ialah 'Ahmad sedang membaca buku' sementara ayat yang kedua ialah 'kawan-kawan yang sudah letih lesu telah lama tidur'. Ayat yang kedua ini merupakan ayat majmuk juga kerana terdapat ayat relatif iaitu 'yang sudah letih lesu' dipancangkan di dalamnya. Contoh-contoh yang diberi di atas merupakan ayat majmuk aktif. Kesemua ayat aktif ini jika mengandungi kata kerja transitif, boleh dijadikan ayat pasif. Lihat contoh di bawah:

c) **Ayat Majmuk Gabungan**

Aktif : *Saya minum kopi dan Aminah makan nasi.*

Pasif : *Kopi saya minum dan nasi dimakan oleh Aminah.*

d) **Ayat Majmuk Relatif**

Aktif : *Mereka menonton wayang yang lucu itu.*

Pasif : *Wayang yang lucu itu ditonton oleh mereka.*

e) **Ayat Majmuk Komplimen**

Aktif : *Guru menerangkan bahawa ujian akan bermula pada bulan hadapan.*

Pasif : *Bahawa ujian akan bermula pada bulan hadapan diterangkan oleh guru.*

f) **Ayat Aktif dan Ayat Pasif**

Jika dilihat dari segi ragamnya, ayat-ayat tunggal dalam bahasa Melayu terdiri daripada ayat aktif dan ayat pasif. Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Ayat aktif terdiri daripada ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif. Contoh-contohnya adalah seperti yang berikut:

Ali menendang bola. (aktif transitif)

Anjing itu mengejar kucing. (aktif transitif)

Dia mengelamun sepanjang hari. (aktif tak transitif)

Murid-murid sekolah itu sedang belajar. (aktif tak transitif)

Ayat pasif pula terbentuk asalnya daripada ayat aktif transitif, dan mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan.

Contoh-contohnya adalah seperti yang berikut:

Bola ditendang oleh Ali.

Kucing itu dikejar oleh anjing.

Pantai Timur dilanda banjir.

Buku itu saya baca.

Kitab itu hendaklah kamu pelihara baik-baik.